



SIARAN MEDIA

MEMPERKASA KESELAMATAN SIBER UNTUK KEJAYAAN EKONOMI DIGITAL MALAYSIA MENJELANG 2030

CYBERJAYA, 14 MEI 2024 – CyberSecurity Malaysia, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) serta Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui kerjasama strategik telah berjaya menghasilkan kajian komprehensif berkaitan keperluan tenaga kerja dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang bertujuan untuk membentuk ekosistem keselamatan siber yang lebih sistematik serta terancang.

Kajian yang dilaksanakan pada tahun 2023 ini, melibatkan maklum balas daripada 400 rakan industri terutama dalam sektor Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (CNII) serta dapatan daripada pakar-pakar industri keselamatan siber. Laporan kajian ini telah dilancarkan secara rasmi oleh Yang Berhormat Encik Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia, bertempat di Dewan Serbaguna, Menara Cyber Axis, Cyberjaya.

Dalam usaha menuju transformasi digital yang lebih baik, negara menghadapi cabaran besar dari aspek menangani ancaman siber. Menurut laporan Pusat Tindakbalas Insiden Keselamatan Siber - Cyber999 yang dikendalikan oleh CyberSecurity Malaysia, sebanyak 5,917 insiden keselamatan siber dilaporkan pada tahun 2023, dengan kes-kes jenayah penipuan dalam talian mencatat jumlah tertinggi sebanyak 3,705 kes, yang menyebabkan transaksi tanpa kebenaran seterusnya memberi kesan kepada perniagaan, entiti kerajaan, serta individu.

Kerugian yang bernilai berbillion ringgit juga direkodkan setiap tahun akibat jenayah siber, menunjukkan kepentingan pemerkasaan keselamatan siber di negara ini. Selari dengan penggubalan Rang Undang-undang (RUU) Keselamatan Siber 2024 yang baharu diluluskan oleh Dewan Rakyat pada akhir Mac 2024 yang lalu, keperluan untuk melindungi Infrastruktur

Maklumat Kritikal Negara (CNII) daripada penipuan dalam talian dan serangan siber melalui pemerkasaan sumber manusia adalah sangat penting dan perlu dititikberatkan.

Kajian ini juga menunjukkan peningkatan permintaan yang signifikan bagi tenaga kerja keselamatan siber, yang dijangka mencecah yang dijangka mencecah 26,340 menjelang tahun 2025, dan kemudian meningkat lagi kepada 28,068 menjelang akhir tahun 2026. Justeru, ianya memberi gambaran keperluan tindakan segera oleh pembekal latihan melalui kementerian yang terlibat untuk menampung permintaan yang mendesak bagi memastikan bekalan tenaga kerja yang mencukupi dan berkualiti.

Oleh itu, penglibatan bersama dengan KESUMA-JPK dalam membangunkan kajian ini akan memberi impak yang signifikan dalam hala tuju pembangunan TVET untuk bidang keselamatan siber bagi memenuhi keperluan kemahiran teknikal, kemahiran baru dan perjawatan baru yang diperlukan oleh industri dalam menangani isu kekurangan tenaga pakar di dalam bidang ini.

Sektor-sektor utama seperti teknologi maklumat dan komunikasi, perbankan serta kewangan menekankan kepentingan persijilan profesional dan kompetensi untuk dibekalkan kepada bakal-bakal graduan. Dalam usaha memperkasa sumber manusia yang lebih relevan dan berkualiti, pihak CyberSecurity Malaysia turut menawarkan pelbagai pilihan persijilan kebangsaan berkaitan keselamatan siber dengan kos persijilan yang menarik antaranya melalui skim pensijilan *Global Accredited Cybersecurity Education Certification* (Global ACE).

Dikeluarkan oleh:

**Jabatan Pemasaran & Komunikasi Korporat,
CyberSecurity Malaysia**